

ESTETIKA TASHBĪH DALAM SURAH AL-BAQARAH DAN SURAH AL-NUR

THE AESTHETICS OF TASHBĪH IN SŪRAT AL-BAQARAH AND SŪRAT AL-NŪR

Nur Iffah Faqihah Amari¹

Md Nor Abdullah²

Firuz Akhtar Lubis³

Zulkarnain Mohamed^{4*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: a193754@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: monab@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: firuz@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: nain@ukm.edu.my)

*Corresponding author: nain@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Amari, N. I. F., Abdullah, M. N., Lubis, F. A. & Mohamed, Z. (2026). Estetika tashbīh dalam surah al-Baqarah dan surah al-Nur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 687 – 701.

Abstrak: Kajian ini membincangkan estetika Tashbīh dalam Surah al-Baqarah dan Surah al-Nur dengan memberi tumpuan kepada fungsi keindahan bahasa dalam menyampaikan makna al-Qur'an. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji maksud dan definisi konsep Tashbīh serta meneliti elemen dan jenis Tashbīh yang digunakan dalam kedua-dua surah tersebut. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi unsur Tashbīh dalam Surah al-Baqarah dan Surah al-Nur. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua surah memanfaatkan pelbagai bentuk Tashbīh untuk mengukuhkan penyampaian mesej, sama ada dari aspek akidah, etika sosial mahupun peringatan spiritual. Elemen-elemen Tashbīh yang dikenal pasti bukan sahaja memperkayakan nilai estetika teks al-Qur'an, tetapi turut memperjelaskan makna melalui penggambaran yang konkrit dan mendalam. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa keindahan retorik Tashbīh memainkan peranan penting dalam penghayatan makna al-Qur'an serta memperkukuh kefahaman pembaca terhadap konteks ayat.

Kata Kunci: Tashbīh; Estetika Bahasa; Balaghah; Surah al-Baqarah; Surah al-Nur; Analisis Kandungan; Gaya Bahasa; Bahasa al-Qur'an

Abstract: This study examines the aesthetics of Tashbīh in Sūrat al-Baqarah and Sūrat al-Nūr, with particular emphasis on the function of linguistic beauty in conveying the meanings of the al-Qur'an. The objective of this study is to investigate the meaning and definition of the concept

of Tashbīh, as well as to analyse the elements and types of Tashbīh employed in both surahs. Methodologically, the study adopts a qualitative approach through content analysis of Qur'anic verses containing elements of Tashbīh in Sūrat al-Baqarah and Sūrat al-Nūr. The findings indicate that both surahs utilise various forms of Tashbīh to reinforce the communication of messages related to creed, social ethics, and spiritual admonition. The identified elements of Tashbīh not only enrich the aesthetic value of the Qur'anic text but also clarify meanings through vivid and profound imagery. Overall, this study affirms that the rhetorical beauty of Tashbīh plays a significant role in enhancing the appreciation of Qur'anic meanings and strengthening readers' understanding of the contextual dimensions of the verses.

Keywords: *Tashbīh; Language Aesthetics; Balaghah; Sūrat al-Baqarah; Sūrat al-Nūr; Content Analysis; Figurative Language; Qur'anic Language*

Pengenalan

Al-Qur'an merupakan wahyu dan kalam Ilahi yang terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai petunjuk dan rahmat bagi seluruh umat manusia. Sejak diturunkan wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW di gua Hira', ianya bukan sekadar menjadi kitab suci yang menjadi pegangan semata-mata. Namun ianya juga merupakan mukjizat agung yang membuktikan kerasulan Nabi Muhammad SAW dan keesaan Allah SWT. Mukjizat al-Qur'an bukan sahaja terletak pada kandungan ajarannya yang sempurna, malah juga pada keindahan bahasa yang disampaikan yang tidak akan mampu diciptakan oleh kitab lain seumpamanya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra', ayat 13:

قُلْ لِّئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ٨٨

Mafhumnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Qur'an ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri”.

Melalui kalam ini, dapat dilihat satu penegasan daripada Allah SWT bahawa al-Qur'an itu adalah satu mukjizat kekal yang bukan sekadar menjadi sebuah teks biasa, melainkan satu mukjizat agung yang menzahirkan kebenaran risalah Nabi Muhammad S.A.W secara mutlak dan abadi. Allah SWT telah mengemukakan satu cabaran terbuka kepada seluruh manusia dan jin untuk menghasilkan sesuatu yang seumpamanya, namun kesemua mereka akan tetap gagal, sekalipun mereka semua bergabung tenaga dan mempunyai kepakaran bahasa yang tinggi. Kegagalan ini telah membuktikan bahawa al-Qur'an bukanlah hasil ciptaan akal manusia, dan bahkan tidak mampu dicapai oleh pengetahuan manusia. Sebaliknya merupakan kalam Allah yang sempurna, tidak tertandingi oleh mana-mana ciptaan. Keagungan kalam-Nya mencerminkan kesempurnaan sifat-Nya, dan mustahil bagi makhluk yang bersifat serba kekurangan untuk menghasilkan sesuatu yang sama seperti al-Qur'an. Justeru, mustahil bagi makhluk yang terbatas dari segala aspek untuk menandingi kalimah Tuhan yang Maha Sempurna, sebagaimana mustahil bagi sesiapa pun untuk menyerupai-Nya dalam zat, nama, sifat dan perbuatan (Yusoff, 2018).

Menurut Yusoff (2018) lagi, penurunan al-Qur'an berlaku dalam konteks masyarakat Arab yang terkenal dengan kepakaran dalam seni bahasa, sastera dan pidato. Pada zaman tersebut,

masyarakat Arab berada pada puncak kefasihan dan keindahan pengucapan. Namun begitu, apabila mereka mendengar ayat-ayat al-Qur'an, mereka menjadi terpegun dan terpukau dengan keunikan serta ketepatan susunan bahasanya. Setiap huruf, perkataan dan ayat dalam al-Qur'an tersusun dengan begitu indah dan sempurna, sehinggakan para sasterawan dan pujangga tidak mampu menandinginya. Kehebatan ini jelas membuktikan bahawa al-Qur'an bukanlah hasil karya manusia, tetapi merupakan wahyu ilahi yang diturunkan oleh Allah SWT yang Maha Bijaksana dan Maha suci daripada sebarang kekurangan. Keagungan bahasa al-Qur'an inilah yang menjadi bukti kukuh terhadap kemukjizatannya yang tidak mampu ditandingi oleh sesiapa pun sepanjang zaman.

Bahasa al-Qur'an merupakan satu bahasa yang sangat istimewa. Walaupun ia diturunkan dalam bahasa Arab, gaya dan susunannya sangat berbeza daripada bahasa Arab biasa yang digunakan oleh masyarakat Arab itu sendiri. Susunan ayat yang terkandung di dalam al-Qur'an adalah sangat indah, penuh makna, dan mengandungi kehalusan sastera yang luar biasa. Namun, keindahan itu tidak menghalang ayat-ayatnya untuk difahami. Melalui keistimewaan bahasanya, ianya mampu menyentuh hati manusia dan akhirnya membimbingnya untuk beriman hanya dengan mendengar atau membaca ayat-ayat al-Qur'an. Contoh paling jelas ialah kisah 'Umar ibn al-Khattab RA, seorang tokoh Quraisy yang pada awalnya sangat menentang dakwah Nabi Muhammad SAW. Namun, setelah mendengar petikan ayat al-Qur'an, hatinya tersentuh dan beliau akhirnya memeluk Islam. Ini membuktikan bahawa bahasa al-Qur'an mempunyai kekuatan yang luar biasa, bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai bukti kerasulan Nabi Muhammad SAW (Abdurrahman, 2017).

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti dan memahami aspek kemukjizatan al-Qur'an dari sudut bahasa, khususnya dalam bidang Balaghah dengan fokus terhadap unsur Tashbīh dalam Surah al-Baqarah dan Surah al-Nūr. Satu daripada aspek Balaghah yang penting dalam memahami keindahan dan kekuatan bahasa al-Qur'an ialah Tashbīh, iaitu bentuk perbandingan yang membawa maksud yang mendalam dan pengaruh emosi yang kuat kepada pembacanya. Dalam Balaghah, unsur Tashbīh atau perbandingan merupakan antara elemen penting yang banyak digunakan dalam al-Qur'an. Lantaran daripada itu, melalui kajian ini penggunaan Tashbīh dalam al-Qur'an dapat diteliti serta penggunaan Tashbīh dalam al-Qur'an yang memberi impak kepada struktur ayat dan penyampaian makna dapat difahami. Melalui kajian ini, pemahaman maksud Tashbīh, pembahagiannya, adawatnya, elemen Tashbīh dan penganalisisan yang kompleks terhadap Surah al-Baqarah dan Surah al-Nūr dapat ditekuni. Dengan demikian penulisan ini dapat menjadi antara sumber rujukan yang bermanfaat dalam menganalisis penggunaan Tashbīh dalam al-Qur'an, sekali gus mampu memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat.

Metodologi, Persoalan dan Objektif Kajian

Metodologi penyelidikan merujuk kepada ilmu yang mengkaji bagaimana penyelidikan dijalankan secara saintifik. Ia adalah satu cara untuk menghuraikan masalah kajian secara tersusun dan sistematik dengan mengambil beberapa langkah yang sesuai dan logik. Metodologi amat penting kerana ia bukan sahaja membantu kita memahami hasil sesuatu penyelidikan, tetapi juga proses bagaimana penyelidikan itu dijalankan. Dengan metodologi, kita dapat menilai kaedah mana yang sesuai, mengenal pasti kelemahan atau batasan kaedah tertentu, dan mengetahui bagaimana sesuatu pendekatan boleh digunakan dengan berkesan. Tujuan utama metodologi penyelidikan adalah untuk menjelaskan dan menilai kaedah yang digunakan dalam kajian serta memberikan gambaran tentang kelebihan dan kekurangan kaedah tersebut dalam menjawab persoalan kajian (Swarooprani, K, 2022). Kajian ini menggunakan

pendekatan kualitatif secara analisis kandungan terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang mengandung unsur Tashbīh dalam Surah al-Baqarah dan Surah al-Nūr. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti aspek keindahan bahasa, gaya penyampaian, serta fungsi makna yang tersirat dalam struktur Tashbīh. Segala data kajian diperolehi melalui kajian kepustakaan, iaitu dengan merujuk kepada al-Qur'an sebagai sumber utama serta kitab-kitab tafsir dan buku-buku Balaghah yang muktabar sebagai bahan sokongan. Kajian juga disokong dengan sumber sekunder seperti jurnal ilmiah, tesis-tesis terdahulu dan artikel yang berkaitan. Secara keseluruhan, kaedah ini membolehkan penulis mengkaji bentuk dan fungsi Tashbīh secara mendalam dan sistematik, serta menjelaskan bagaimana keindahan balaghah dalam al-Qur'an memberikan kesan terhadap kefahaman dan penghayatan mesej wahyu. Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk menjawab isu-isu yang diketengahkan adalah seperti berikut: (1) apakah yang dimaksudkan dengan unsur Tashbīh dalam ilmu Balaghah?; dan (2) apakah elemen asas serta pembahagian Tashbīh yang dikenal pasti dalam ilmu Balaghah? Sementara itu, berdasarkan persoalan kajian yang timbul di atas, kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk: (1) mengkaji maksud unsur Tashbīh dalam ilmu Balaghah; dan (2) meneliti elemen dan pembahagian unsur Tashbīh dalam ilmu Balaghah.

Dapatan dan Perbincangan

Definisi Tashbīh

Menurut Izham dan Yusoff (2012), Tashbīh ialah suatu ikatan yang wujud antara dua perkara, dengan satu daripadanya menggantikan tempat yang lain sama ada dalam bentuk hissi (yang boleh dirasai), mahupun 'aqli (yang tidak boleh dirasai atau bersifat abstrak). Definisi ini menunjukkan Tashbīh merangkumi pelbagai jenis hubungan, bukan sahaja yang bersifat fizikal dan nyata, tetapi juga yang bersifat konseptual dan tidak dapat dilihat secara langsung. Manakala menurut Abdul Qahir al-Jurjani, Tashbīh ialah menetapkan satu makna daripada makna-makna sesuatu perkara ke atas perkara lain, atau menetapkan satu hukum daripada hukum-hukum bagi sesuatu yang lain. Contohnya ialah menetapkan sifat berani seekor singa kepada seseorang yang gagah berani, atau menyamakan kekuatan hujah dengan cahaya yang mampu membezakan antara hak dan batil, sebagaimana cahaya membezakan sesuatu daripada kegelapan. Definisi ini menekankan peranan Tashbīh sebagai alat untuk memperjelas makna dengan menggunakan sifat yang sudah dikenali umum bagi sesuatu perkara yang ingin dijelaskan. Oleh itu, secara umum, Tashbīh dapat difahami sebagai meletakkan satu perkara dengan perkara yang lain berdasarkan wujudnya suatu ikatan yang tertentu antara keduanya, sama ada dalam bentuk hissi mahupun 'aqli. Ia merupakan satu teknik bahasa yang bukan sahaja berfungsi untuk memperindah ungkapan, tetapi juga mempermudah pemahaman terhadap makna yang ingin disampaikan.

Selain itu, menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI), Tashbīh didefinisikan sebagai perbandingan, persamaan, ibarat, sindiran, atau analogi. Dalam konteks pengertian ringkas ini, gaya bahasa yang tergolong dalam ilmu bayan pada dasarnya dibentuk berdasarkan bentuk perbandingan atau analogi yang wujud antara dua perkara, sama ada dari segi kesamaan sifat mahupun hubungan makna antara keduanya. Tashbīh digunakan untuk menjelaskan sesuatu perkara yang kurang jelas dengan merujuk kepada sesuatu yang lebih dikenali dan difahami, melalui kesamaan atau kaitan tertentu yang menghubungkan antara kedua unsur yang dibandingkan (Khalis et al., 2023).

Tidak hanya itu, menurut Ningsih et al. (2024), Tashbīh daripada sudut bahasa merupakan masdar daripada kata kerja شَبَّهَ – يُشَبِّهُ yang membawa maksud penyerupaan atau perbandingan. Ia berasal daripada akar kata al-tamthīl yang bererti “menyerupakan sesuatu dengan sesuatu yang lain”. Dalam istilah ilmu balaghah, Tashbīh merujuk kepada satu bentuk ungkapan yang menyerupakan sesuatu perkara dengan perkara lain, sama ada berdasarkan satu sifat atau lebih, menggunakan alat perbandingan seperti huruf kaf atau ungkapan lain yang seumpamanya, dan boleh berlaku secara jelas (tersurat) mahupun tersembunyi (tersirat) dalam susunan kata. Tashbīh al-dhimnī merupakan satu bentuk Tashbīh yang tidak dinyatakan secara terus terang melalui struktur Tashbīh yang lazim seperti kehadiran mushabbah, mushabbah bih, atau adāt Tashbīh. Sebaliknya, unsur-unsur ini tersembunyi dalam susunan ayat dan hanya dapat difahami melalui kefahaman terhadap makna dan konteks keseluruhan pernyataan. Dalam erti kata lain, ia merupakan bentuk Tashbīh tersirat yang hanya dapat dikenal pasti apabila pembaca menyedari bahawa dua unsur yang dibandingkan berkongsi ciri atau sifat tertentu. Oleh itu, meskipun tidak kelihatan secara jelas, perbandingan itu tetap berfungsi sebagai Tashbīh dari sudut balaghah.

Di samping itu, Salsabila (2024) menyatakan Tashbīh secara bahasa bererti perumpamaan atau penyerupaan. Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam beberapa kamus Arab seperti Kamus al-Munawwir, yang menerangkan bahawa lafaz al-Tashbīh bermaksud al-tamthīl (persamaan). Dari sudut istilah pula, Tashbīh merujuk kepada penjelasan tentang adanya kesamaan sifat antara satu perkara dengan perkara yang lain, dengan menggunakan alat seperti huruf kāf atau seumpamanya, sama ada dinyatakan secara tersurat mahupun tersirat. Dalam konteks ilmu balaghah, Tashbīh juga difahami sebagai penyerupaan antara dua perkara atau lebih yang memiliki persamaan sifat tertentu bagi mencapai maksud yang dikehendaki oleh penutur. Beberapa ulama seperti al-Khaṭīb al-Qazwīnī dan pengarang karya Jawhar al-Maknūn turut memberikan definisi yang hampir sama, iaitu menegaskan bahawa Tashbīh ialah lafaz yang menggambarkan hubungan antara dua perkara (mushabbah dan mushabbah bih) berdasarkan satu aspek persamaan tertentu (wajh al-shabah) dengan menggunakan alat Tashbīh (adāt al-tashbīh) bagi menyampaikan maksud yang dikehendaki (Salsabila, 2024). Definisi ini menunjukkan Tashbīh berfungsi sebagai satu daripada medium retorik yang memperjelas makna melalui perbandingan antara dua unsur yang mempunyai persamaan sifat tertentu. Keseluruhan pandangan tersebut telah dirumuskan oleh Salsabila (2024) menerusi kajiannya yang meneliti konsep dan definisi Tashbīh berdasarkan pelbagai sumber klasik dan kontemporari.

Tashbīh merupakan satu daripada aspek penting dalam ilmu balaghah. Perbincangan mengenai Tashbīh tergolong dalam ilmu al-bayān kerana Tashbīh ialah gaya bahasa yang berasaskan unsur persamaan, perbandingan dan analogi. Ia melibatkan perbandingan antara sesuatu objek, sifat atau keadaan dengan objek, sifat atau keadaan lain yang mempunyai hubungan keserupaan dari sudut tertentu, bagi menjelaskan atau mengukuhkan makna yang ingin disampaikan. Selain hubungan persamaan, unsur perbandingan dalam bahasa juga boleh dikaitkan dengan hubungan lain seperti sebab dan akibat, tempat, masa serta pelbagai bentuk hubungan maknawi yang lain. Ilmu al-bayān, sebagai satu cabang utama dalam ilmu balaghah, berperanan mengkaji cara penyampaian makna melalui pelbagai bentuk ungkapan figuratif dan kiasan dalam bahasa Arab. Dengan menggunakan pendekatan al-bayān, seseorang penutur mampu menyampaikan makna secara halus dan berkesan tanpa mengurangkan kejelasan mesej yang ingin disampaikan. Antara topik utama yang dibahaskan dalam ilmu al-bayān ialah Tashbīh, iaitu gaya bahasa yang menggunakan unsur perumpamaan atau persamaan bagi membandingkan sesuatu objek, sifat atau keadaan dengan unsur lain yang mempunyai persamaan tertentu. Dari sudut linguistik,

Tashbīh sering disamakan dengan al-Tamthīl (التمثيل), iaitu bentuk kiasan atau perumpamaan yang dinyatakan melalui ungkapan yang menggambarkan keserupaan antara dua perkara atau lebih (Siregar, 2024).

Sementara itu, menurut Radzi dan Baharudin (2019), istilah Tashbīh adalah berasal daripada kata kerja Arab, iaitu تُشَبِّهُ – يُشَبِّهُ – شَبَّهَ – يُشَبِّهُ, yang membawa maksud menyerupakan, menyamakan, atau menjadikan sesuatu itu serupa dengan yang lain. Dalam Kamus Arab-Melayu Idris al-Marbawiy (1350H), istilah ini ditakrifkan sebagai menjadikan sesuatu itu sebanding atau seiras dalam pelbagai aspek. Tashbīh merupakan satu daripada komponen penting dalam ilmu balāghah, dan kedua-dua sarjana ini turut meneliti beberapa pandangan tokoh terdahulu bagi memperkukuh pengertian istilah ini antaranya termasuk pandangan al-Mu‘jam al-Wasīṭ (1989) yang mendefinisikan Tashbīh sebagai persamaan; kamus al-Miftah (2007) yang menyatakan maksudnya merangkumi persamaan, perumpamaan dan penyerupaan; serta Madina (1973) yang menyifatkannya sebagai bentuk perbandingan, cerita ibarat atau kiasan. Selain itu, ‘Atiq (1974) memetik pandangan Ibn Rashiḡ yang menjelaskan Tashbīh berlaku apabila dua perkara memiliki persamaan dari satu atau beberapa aspek sahaja, dan bukan dari semua aspek, kerana jika keserupaan itu menyeluruh, maka tidak wujud lagi unsur perumpamaan.

Tidak hanya itu, menurut Radzi dan Baharudin (2019), dari sudut istilah menyatakan Tashbīh merupakan bentuk hubungan perbandingan antara dua perkara yang berkongsi satu makna atau sifat tertentu, yang lazimnya dinyatakan melalui penggunaan alat atau partikel tertentu seperti huruf kaf. Secara keseluruhan, semua pandangan ini membawa kepada kesimpulan yang seiring iaitu bahawa Tashbīh ialah satu bentuk gaya bahasa dalam ilmu al-bayan yang digunakan untuk menyerupakan sesuatu dengan sesuatu yang lain dalam rangka menjelaskan makna secara lebih terang, indah dan meyakinkan, melalui pendekatan persamaan atau analogi.

Menurut Bagaskara dan Sausan (2024), Tashbīh merujuk kepada proses penyamaan atau penyerupaan antara dua perkara yang mempunyai kesamaan dari segi makna, ciri, atau keadaan tertentu. Unsur Tashbīh ini boleh disampaikan sama ada secara tersurat mahupun tersirat, bergantung kepada maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Tashbīh berfungsi sebagai medium untuk memberikan penjelasan atau gambaran terhadap sesuatu perkara melalui kesetaraan atau kesamaan dengan perkara lain. Dalam pelaksanaannya, Tashbīh menggunakan alat tertentu yang dikenali sebagai adat al-Tashbīh, dan ia boleh difahami melalui konteks atau susunan perkataan yang digunakan dalam ungkapan tersebut. Oleh itu, Tashbīh bukan sahaja memainkan peranan penting dalam keindahan gaya bahasa, bahkan turut memperkukuh makna dan kefahaman dalam sesuatu wacana.

Menurut Salleh et al. (2021), Ibn Manẓūr dalam Lisān al-Arab menjelaskan bahawa secara bahasa istilah Tashbīh membawa maksud al-tamthīl, iaitu perbandingan atau penyerupaan antara dua perkara. Dari sudut bahasa, istilah ini juga dikaitkan dengan al-shibh, al-shabah, dan al-shabīh yang merujuk kepada makna al-mithl, iaitu sesuatu yang menyerupai atau seumpama dengan sesuatu yang lain. Ibn Manẓūr turut memberikan contoh ungkapan مَنْ أَشَبَّهَ الشَّيْءَ الشَّيْءَ yang bererti sesuatu menyerupai sesuatu yang lain, manakala peribahasa Arab مَنْ أَشَبَّهَ أَبَاهُ فَمَا ظَلَمَ membawa maksud bahawa seorang anak merupakan bayangan atau cerminan ayahnya. Dari sudut istilah pula, Salleh et al. (2021) menukulkan definisi para sarjana balaghah yang mendefinisikan Tashbīh sebagai: الدَّلَالَةُ عَلَى مُشَارَكَةِ أَمْرٍ لِأَمْرٍ آخَرَ فِي مَعْنَى مُشْتَرَكٍ بَيْنَهُمَا بِأَدَاةٍ مَلْفُوظَةٍ أَوْ مَلْحُوظَةٍ لِعَرَضٍ يَتَوَخَّاهُ الْمُتَكَلِّمُ, iaitu suatu bentuk pernyataan yang menunjukkan persamaan antara dua perkara pada satu makna yang dikongsi bersama, dengan menggunakan artikel Tashbīh

sama ada dinyatakan secara nyata (malfūzah) atau difahami secara tersirat (malhūzah), demi mencapai maksud tertentu yang dikehendaki oleh penutur.

Kesimpulannya, pelbagai definisi dan pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana klasik dan kontemporari menunjukkan bahawa Tashbīh merupakan satu daripada unsur penting dalam ilmu balāghah, khususnya dalam cabang ilmu al-bayān. Dari sudut bahasa, Tashbīh membawa maksud penyerupaan, perbandingan atau analogi, manakala dari sudut istilah, ia merujuk kepada proses menyerupakan suatu perkara dengan perkara lain berdasarkan persamaan tertentu, sama ada melalui satu sifat yang jelas mahupun melalui makna yang tersirat. Pendekatan Tashbīh ini merangkumi pelbagai bentuk hubungan, sama ada fizikal (hissi) mahupun abstrak ('aqli), dan penggunaannya terbukti mampu memperjelas makna, memperindah gaya bahasa serta mengukuhkan kefahaman khalayak terhadap mesej yang ingin disampaikan

Elemen Tashbīh

Keindahan dan kekuatan Tashbīh tidak dapat dipisahkan daripada struktur asasnya yang terdiri daripada beberapa unsur penting. Unsur-unsur ini dikenali sebagai elemen Tashbīh dan terdiri daripada empat komponen utama iaitu mushabbah (perkara yang diserupakan), mushabbah bih (perkara yang menjadi perbandingan), adat Tashbīh (alat perbandingan seperti huruf kaf dan seumpamanya) dan wajh al-shabah (aspek persamaan antara keduanya). Elemen-elemen inilah yang menjadi teras kepada terbentuknya satu struktur Tashbīh yang lengkap, dan berperanan besar dalam menentukan jenis, kekuatan, serta keberkesanan Tashbīh tersebut dari sudut balāghah. Tanpa elemen-elemen ini, Tashbīh tidak akan dapat dibentuk secara sempurna, atau tidak akan dapat dikenali sebagai Tashbīh yang sah menurut pandangan ulama balaghah. Keempat-empat elemen ini adalah wajib lantaran ianya memainkan fungsi tersendiri yang saling berkaitan. Misalnya, mushabbah dan mushabbah bih menentukan hala tuju makna yang ingin dibentuk, adat Tashbīh memberi isyarat kepada keberadaan hubungan perbandingan, manakala wajh al-shabah menzahirkan titik persamaan yang menjadi teras kepada logik perbandingan tersebut. Dalam sesetengah bentuk Tashbīh, elemen-elemen ini mungkin dinyatakan secara jelas atau tersembunyi. Namun, hakikat kewujudannya tetap diperlukan untuk menguatkan gaya bahasa Tashbīh dalam sesebuah teks atau ayat. Dengan memahami elemen-elemen ini secara teliti, para pengkaji akan dapat menyelami keindahan bahasa al-Qur'an dan memahami mesejnya dengan lebih tepat serta penuh penghayatan.

Mushabbah (المشبه)

Dalam struktur Tashbīh, mushabbah merupakan unsur utama yang diserupakan dengan unsur lain bagi memperjelas makna yang ingin disampaikan. Dalam konteks balaghah, mushabbah boleh dikenal pasti melalui kaedah analisis semantik dan struktur ayat. Antara cara paling mudah untuk mengesan mushabbah dalam sesuatu ayat Tashbīh adalah dengan mengemukakan persoalan asas: "Apakah yang sedang diserupakan dalam ayat ini?". Jawapan kepada soalan tersebut akan memberikan petunjuk yang tepat tentang unsur mushabbah dalam ayat tersebut. Kebiasaannya, mushabbah ialah unsur yang kurang jelas dari segi sifat tertentu, lalu diserupakan dengan sesuatu yang lain yang lebih menonjol, demi menghasilkan kesan makna yang lebih kuat dan efektif. Sebagai contoh, dalam ayat "Ilmu seperti samudera dari segi keluasan," dapat dilihat bahawa unsur yang diserupakan ialah 'ilmu'. Jika diajukan soalan "Apakah yang diserupakan dalam kalimat ini?", lantas jawabannya ialah 'ilmu'. Justeru, 'ilmu' disebut sebagai mushabbah kerana ia merupakan subjek utama yang sedang dibandingkan dengan 'samudera' dalam aspek keluasan. Perbandingan ini dilakukan bagi menggambarkan betapa luas dan mendalamnya ilmu, yang sukar dijangkau batasnya, seperti mana samudera

yang terbentang luas dan dalam. Dalam ayat ini, ‘samudera’ menjadi mushabbah bih yang akan dijelaskan dalam elemen seterusnya.

Fungsi mushabbah dalam Tashbīh amat signifikan kerana ia membawa mesej utama yang ingin ditekankan oleh penutur atau penulis. Mushabbah selalunya merupakan unsur yang ingin diperkukuhkan maknanya, sama ada dari segi sifat, kualiti, kedudukan atau keadaan. Apabila sesuatu konsep, seperti ilmu, iman, manusia, atau perbuatan, diserupakan dengan sesuatu yang konkrit dan biasa dalam pengalaman manusia, lantas mesej yang ingin disampaikan akan lebih mudah difahami dan lebih dekat kepada hati pendengar atau pembaca. Tambahan pula, mushabbah dalam teks Arab klasik dan al-Qur’an tidak hanya terhad kepada objek fizikal, malah merangkumi konsep-konsep abstrak, gambaran metafizik dan nilai-nilai spiritual. Dalam al-Qur’an, Allah SWT sering menyerupakan perkara ghaib dengan unsur alam atau kejadian nyata bagi memudahkan manusia memahaminya. Oleh itu, pengenalan terhadap mushabbah bukan sahaja membantu dalam analisis gaya bahasa, tetapi juga memberi ruang kepada penafsiran makna yang lebih mendalam (Khalis et al., 2023).

Mushabbah ialah unsur dalam struktur Tashbīh yang merujuk kepada sesuatu yang diserupakan dengan perkara lain kerana wujudnya ciri persamaan antara keduanya. Mushabbah lazimnya merupakan unsur yang ingin diberi penjelasan atau digambarkan sifatnya dengan lebih jelas, lalu dibandingkan dengan sesuatu yang lebih nyata atau lebih kuat sifatnya. Sebagai contoh, dalam ayat “Suara Fatimah seperti alunan seruling”, perkataan suara Fatimah merupakan mushabbah kerana ia dibandingkan dengan alunan seruling dari aspek kelembutan dan keindahan bunyinya. Dalam contoh lain, “Hati ibu seperti pelita dalam kegelapan”, hati ibu menjadi mushabbah kerana ia diserupakan dengan pelita yang membawa makna perlindungan, petunjuk dan kasih sayang. Dalam kedua-dua contoh ini, mushabbah merupakan unsur yang ingin ditonjolkan, dan perbandingan dilakukan agar maksudnya lebih mendalam dan mudah difahami. Oleh itu, mushabbah memainkan peranan penting dalam memperkukuh kesan makna dan gambaran dalam komunikasi bahasa, khususnya dalam teks sastera dan al-Qur’an (Shukri, 2014). Kesimpulannya, mushabbah memainkan peranan penting dalam struktur Tashbīh sebagai unsur yang diserupakan bagi menjelaskan sesuatu makna dengan lebih terang. Dengan memahami kedudukan dan fungsi mushabbah, seseorang itu dapat menganalisis Tashbīh dengan lebih tepat serta menghargai keindahan dan kekuatan bahasa dalam al-Qur’an dan sastera Arab secara umum.

Mushabbah ialah unsur yang merujuk kepada sesuatu yang diserupakan dengan perkara lain dalam struktur Tashbīh. Unsur ini biasanya merupakan subjek yang ingin dijelaskan atau digambarkan melalui perbandingan kerana ia memiliki sifat yang tidak begitu jelas atau kurang menonjol. Oleh itu, mushabbah diserupakan dengan sesuatu yang lebih kuat sifatnya agar maksudnya lebih difahami. Sebagai contoh, dalam ayat “Ismail bagaikan singa dalam keberanian”, perkataan Ismail merupakan mushabbah kerana ia adalah unsur yang diserupakan dengan singa dari sudut sifat keberanian. Dalam perbandingan ini, Ismail tidak sekadar digambarkan sebagai pemberani, tetapi penegasan sifatnya diperkukuh dengan perbandingan kepada seekor singa yang terkenal dengan keberaniannya di alam haiwan. Lantas, Ismail disebut sebagai mushabbah kerana dialah yang sedang diserupakan (Khoirunniswatin, 2022).

Secara keseluruhannya, mushabbah merupakan komponen asas dalam binaan Tashbīh yang memegang peranan utama dalam proses perbandingan antara dua unsur. Ia merujuk kepada perkara atau objek yang diserupakan dengan unsur lain yang lebih menonjol dari segi makna atau sifat. Fungsi utama mushabbah adalah untuk memperjelas, memperindah, atau

memperkuat sesuatu maksud melalui pemindahan makna secara kiasan daripada unsur lain yang lebih konkrit, dikenali atau berkesan secara visual. Hal ini sangat penting dalam wacana bahasa Arab klasik dan moden, khususnya dalam teks sastra dan al-Qur'an yang kaya dengan gaya bahasa retorik dan keindahan balaghah.

Mushabbah biasanya hadir dalam bentuk perkara yang abstrak, umum, atau sukar digambarkan secara literal, lalu diserupakan dengan unsur yang memiliki sifat lebih jelas dan mudah difahami khalayak. Contohnya seperti dalam ayat "Ismail bagaikan singa dalam keberanian", Ismail merupakan mushabbah kerana sifat keberaniannya diperjelas melalui perbandingan dengan seekor singa yang terkenal dengan keberanian luar biasa. Dalam konteks ini, mushabbah berperanan sebagai landasan awal dalam membina kefahaman yang mendalam dan berkesan, terutama dalam menyampaikan sesuatu dengan kesan yang lebih kuat. Penggunaan mushabbah yang tepat membolehkan penyampaian makna dilakukan secara ringkas namun padat. Justeru, penguasaan terhadap konsep mushabbah amat penting dalam memahami keindahan dan keunikan Tashbīh.

Mushabbah Bih (المشَبَّه به)

Dalam analisis struktur Tashbīh, mushabbah bih adalah merujuk kepada unsur yang menjadi tempat sandaran perbandingan, iaitu unsur yang diserupakan dengannya. Mushabbah bih lazimnya merupakan unsur yang telah diketahui umum atau telah mantap sifatnya dalam kefahaman masyarakat, dan digunakan sebagai rujukan bagi memperjelas sifat yang ingin ditonjolkan dalam mushabbah. Dalam erti kata lain, mushabbah bih menjadi model perbandingan yang dijadikan contoh atau analogi untuk menerangkan keadaan atau sifat mushabbah secara lebih efektif dan bermakna.

Mushabbah bih dapat dikenal pasti dalam sesebuah ayat Tashbīh dengan menyoal: "Mushabbah itu diserupakan dengan apa?". Jawapan kepada persoalan ini akan membawa kepada penemuan mushabbah bih. Contohnya, dapat dilihat dalam ayat: "Ilmu seperti samudera dari segi keluasan". Jika diajukan soalan "Ilmu diserupakan dengan apa?", lantas jawapannya ialah 'samudera'. Dengan demikian, 'samudera' dalam ayat ini merupakan mushabbah bih kerana ia menjadi rujukan kepada sifat yang dimiliki oleh 'ilmu', iaitu keluasan yang tiada penghujung. Samudera digunakan sebagai gambaran yang nyata dan konkrit untuk mewakili keluasan ilmu yang abstrak dan tidak terjangkau oleh pemikiran manusia biasa (Khalis et al., 2023).

Mushabbah bih ialah unsur yang menjadi bahan atau rujukan penyerupaan bagi mushabbah dalam struktur Tashbīh. Ia berfungsi sebagai unsur yang memiliki sifat yang kuat, jelas, atau menonjol, dan digunakan untuk memperjelas makna atau sifat mushabbah. Mushabbah bih biasanya datang daripada sesuatu yang sudah diketahui umum sifatnya, agar perbandingan dapat difahami dengan mudah. Contohnya, dalam ayat "Pemuda itu seperti gunung dalam keteguhannya", perkataan gunung merupakan mushabbah bih kerana sifat keteguhan yang dimiliki oleh gunung dijadikan asas untuk menggambarkan keteguhan perwatakan pemuda tersebut. Dalam ayat lain, "Matanya seperti kilat di waktu malam", kilat menjadi mushabbah bih kerana ia menggambarkan kilauan atau tajamnya pandangan. Justeru, mushabbah bih ialah elemen yang memperkuat gambaran dalam Tashbīh melalui penyerupaan berdasarkan sifat yang dikongsi bersama dengan mushabbah (Shukri, 2014).

Mushabbah bih ialah unsur dalam Tashbīh yang menjadi tempat sandaran perbandingan, iaitu sesuatu yang diserupakan dengannya atau unsur yang menjadi rujukan bagi penyerupaan. Unsur ini lazimnya mempunyai sifat yang kuat, jelas, dan telah dikenali umum, sehingga digunakan

sebagai asas untuk menggambarkan atau menjelaskan sifat mushabbah. Sebagai contoh, dalam ayat “Ismail bagaikan singa dalam keberanian,” perkataan singa merupakan mushabbah bih kerana ia menjadi unsur yang diserupakan dengannya. Sifat keberanian yang terdapat pada singa dijadikan rujukan untuk menjelaskan keberanian Ismail. Lantas, singa disebut sebagai mushabbah bih kerana ia memiliki sifat yang ingin dipindahkan maknanya kepada mushabbah melalui perbandingan (Khoirunniswatin, 2022).

Secara tuntasnya, mushabbah bih memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk makna Tashbīh kerana ia berfungsi sebagai unsur rujukan yang daripadanya diambil sifat untuk disandarkan kepada mushabbah. Mushabbah bih sering kali terdiri daripada unsur yang sifatnya lebih kuat, lebih dikenali, dan mudah divisualisasikan oleh khalayak. Oleh yang demikian, ia menjadi alat bantu untuk menjelaskan sesuatu perkara yang lebih kabur atau abstrak. Melalui kehadiran mushabbah bih, proses pemindahan makna berlaku secara kreatif dan berkesan kerana unsur ini menjadi asas yang mantap bagi perbandingan yang ingin disampaikan. Tanpa mushabbah bih, Tashbīh akan kehilangan sisi analoginya dan tidak akan mampu menyampaikan gambaran yang utuh. Dapat disimpulkan bahawa mushabbah bih bukan sahaja menyumbang kepada makna, bahkan juga memperkuat unsur estetika dan keindahan bahasa yang menjadi tunjang kepada kehebatan balaghah Arab.

Adāt Tashbīh (أداة التشبيه)

Adāt Tashbīh ialah lafaz yang menunjukkan adanya persamaan antara dua perkara, dan berperanan mendekatkan mushabbah kepada mushabbah bih dalam sifat tertentu. Ia menjadi petanda bahawa satu bentuk perbandingan sedang berlaku dalam ayat, dan berfungsi sebagai alat linguistik yang menghubungkan kedua-dua unsur utama Tashbīh. Secara umum, adāt Tashbīh terbahagi kepada tiga jenis, iaitu huruf, isim, fi‘l. Penggunaan adāt Tashbīh mempengaruhi bentuk Tashbīh yang terhasil. Sekiranya adāt dinyatakan dengan jelas, lantas Tashbīh tersebut tergolong dalam kategori Tashbīh ṣarīḥ. Sebaliknya, jika adāt digugurkan, terbentuklah Tashbīh balīgh, yang memberi kesan lebih padat dan mendalam dari segi gaya bahasa. Oleh itu, adāt Tashbīh bukan sahaja memainkan peranan sebagai penghubung teknikal, tetapi juga memberi kesan terhadap nilai estetika dan makna Tashbīh secara keseluruhan (Khalis et al., 2023).

Adāt Tashbīh ialah unsur dalam struktur Tashbīh yang berfungsi sebagai alat atau penghubung yang digunakan untuk membandingkan dua perkara, iaitu antara mushabbah dan mushabbah bih. Unsur ini menunjukkan secara jelas bahawa satu bentuk perbandingan sedang berlaku, dan ia menjadi petanda linguistik bahawa kedua-dua perkara yang disebut berkongsi satu sifat yang sama. Contohnya, dalam ayat “Wajahnya seperti cahaya pagi”, perkataan seperti ialah adāt Tashbīh yang menghubungkan wajah (mushabbah) dengan cahaya pagi (mushabbah bih). Adāt Tashbīh boleh hadir dalam bentuk huruf seperti كَ (seperti), isim seperti مثل (umpama), atau fi‘il seperti يشبه (menyerupai). Kehadiran adāt Tashbīh memberikan kejelasan kepada perbandingan dan memainkan peranan penting dalam membentuk keindahan bahasa (Shukri, 2014).

Secara bahasa, perkataan adāt bermaksud alat (أداة) atau wasilah (وسيلة). Dalam pengertian umum, alat merujuk kepada sesuatu yang digunakan untuk mencapai tujuan tertentu, manakala wasilah ialah perantara yang membantu dalam pencapaian sesuatu maksud. Dalam konteks balaghah, adāt Tashbīh merujuk kepada lafaz yang digunakan untuk menunjukkan penyerupaan antara dua perkara. Adāt Tashbīh boleh berupa huruf, kata nama (isim) atau kata kerja (fi‘il) yang mengandungi makna ‘serupa’ atau ‘seumpama’, dan berfungsi sebagai penghubung antara mushabbah dan mushabbah bih. Ia merupakan sarana atau alat linguistik yang membantu

menonjolkan sifat yang dikongsi antara kedua-dua unsur yang dibandingkan. Sebagai contoh, dalam ayat “Ismail seperti singa dalam keberanian,” perkataan seperti adalah adāt Tashbīh kerana ia menghubungkan dua unsur yang dibandingkan dan menunjukkan kewujudan persamaan sifat antara keduanya (Khoirunniswatin, 2022).

Kesimpulannya, adāt Tashbīh ialah unsur penting yang berfungsi sebagai penghubung formal antara dua unsur perbandingan dalam Tashbīh, iaitu mushabbah dan mushabbah bih. Tanpa kehadiran adāt, struktur Tashbīh tidak akan dapat dikenali secara langsung, khususnya dalam bentuk Tashbīh ṣarīḥ. Adāt Tashbīh hadir dalam bentuk huruf, isim atau fi‘il, dan setiap jenis ini memainkan peranan yang tersendiri dalam memperlihatkan kekemasan ayat dan ketepatan gaya bahasa. Lebih daripada sekadar alat tatabahasa, adāt Tashbīh juga menyumbang kepada nilai keindahan dan kejelasan sesuatu gaya bahasa. Dalam konteks komunikasi yang berkesan, adāt berperanan memperlihatkan hubungan antara dua unsur dan sekali gus menyerlahkan sifat yang dikongsi melalui penyerupaan. Oleh itu, dapat ditegaskan bahawa adāt Tashbīh bukan sekadar alat struktur, malah juga unsur estetik yang memperindah makna dan bentuk perbandingan dalam sesuatu ungkapan.

Wajh al-Shabah (وجه الشبه)

Wajh al-shabah merupakan unsur penting dalam pembinaan Tashbīh yang merujuk kepada makna atau sifat yang dikongsi oleh mushabbah dan mushabbah bih. Ia menjadi asas kepada perbandingan, iaitu titik persamaan yang ingin ditonjolkan oleh penutur atau penulis dalam struktur Tashbīh. Wajh al-shabah boleh difahami sebagai alasan mengapa sesuatu perkara diserupakan dengan perkara lain, kerana kedua-duanya berkongsi ciri tertentu yang serupa. Secara umum, wajh al-shabah ialah sifat, keadaan, makna atau gambaran yang dimiliki oleh kedua-dua unsur yang dibandingkan. Tanpa kewujudan wajh al-shabah, Tashbīh akan kehilangan asas maknanya, kerana perbandingan tidak dapat difahami dengan jelas. Wajh al-shabah boleh dinyatakan secara terang dalam ayat Tashbīh, atau kadang-kala difahami secara tersirat bergantung kepada konteks dan kebiasaan penggunaan bahasa.

Sebagai contoh, dalam ayat “Ali laksana harimau dalam keberaniannya”, unsur ‘Ali’ berfungsi sebagai mushabbah, manakala ‘harimau’ ialah mushabbah bih. Perkataan ‘seperti’ (ك) berperanan sebagai adāt Tashbīh, dan unsur ‘keberaniannya’ (في الشجاعة) menjadi wajh al-shabah dalam ayat tersebut. Persamaan antara Ali dan harimau terletak pada sifat keberanian, iaitu sifat yang menjadi asas bagi perbandingan tersebut. Dalam hal ini, wajh al-shabah telah dinyatakan secara jelas untuk memperkukuh kesan perbandingan. Keberadaan wajh al-shabah sangat penting dalam menentukan kekuatan dan ketepatan makna Tashbīh. Apabila wajh al-shabah disebut secara eksplisit, ia membantu pembaca atau pendengar memahami dengan segera aspek apa yang sedang dibandingkan. Sebaliknya, apabila ia tidak disebut, pendengar perlu menafsirkannya sendiri berdasarkan pengalaman linguistik dan konteks ayat. Keupayaan ini menambah lapisan makna dan keindahan tersendiri dalam penggunaan Tashbīh, khususnya dalam teks sastra dan ayat-ayat al-Qur’an (Khalis et al., 2023).

Wajh al-shabah merujuk kepada ciri persamaan atau sifat setara yang wujud antara mushabbah dan mushabbah bih dalam sesuatu Tashbīh. Ia menjadi asas kepada perbandingan kerana tanpa ciri yang sama ini, perbandingan tidak akan dapat difahami secara bermakna. Wajh al-shabah boleh merangkumi aspek seperti kekuatan, kecantikan, kecerahan, kelembutan atau sebarang sifat lain yang dikongsi oleh kedua-dua unsur tersebut. Sebagai contoh, dalam ayat “Suaranya seperti gemersik angin di pagi hari”, sifat lembut dan menenangkan adalah wajh al-shabah yang menghubungkan suara dengan angin pagi. Kehadiran wajh al-shabah membantu menegaskan

alasan perbandingan dan menjadikan Tashbīh lebih jelas serta berkesan dari sudut penyampaian makna (Shukri, 2014).

Wajh al-shabah ialah sifat yang terdapat pada kedua-dua pihak yang diserupakan, iaitu mushabbah dan mushabbah bih. Ia merupakan ciri persamaan yang menjadi asas kepada penyerupaan, dan berperanan menjelaskan hubungan antara dua unsur dalam Tashbīh. Sifat ini boleh berbentuk fizikal seperti kekuatan, ketinggian, atau kelembutan, dan juga boleh berupa makna abstrak seperti kebijaksanaan atau keberanian. Sebagai contoh, dalam ayat “Ismail bagaikan singa dalam keberanian”, yang menjadi wajh al-shabah ialah sifat keberanian yang ada pada Ismail dan singa. Ismail diserupakan dengan singa kerana keduanya berkongsi sifat yang sama. Oleh itu, wajh al-shabah berfungsi memperkukuh maksud Tashbīh dan menjadikan perbandingan lebih jelas serta mudah difahami (Khoirunniswatin, 2022).

Akhir sekali, wajh al-shabah merupakan unsur maknawi yang menjadi nadi kepada penyerupaan dalam Tashbīh. Ia merujuk kepada sifat atau ciri yang dikongsi oleh kedua-dua unsur, iaitu mushabbah dan mushabbah bih. Wajh al-shabah menjelaskan mengapa sesuatu diserupakan dengan sesuatu yang lain, dan memberikan alasan terhadap kewajaran perbandingan tersebut. Sama ada sifat itu dinyatakan secara jelas atau tersirat, kewujudannya tetap penting bagi memastikan makna perbandingan dapat difahami dengan mendalam. Wajh al-shabah turut berperanan memperkukuh kesan emosi, imaginasi dan keindahan retorik dalam penyampaian bahasa, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Lantas, wajh al-shabah bukan sahaja penting dari sudut makna, malah merupakan kunci kepada keberkesanan dan ketepatan sesuatu Tashbīh dalam menyampaikan gambaran dan maksud yang diinginkan.

Pembahagian Tashbīh

Dalam ilmu balaghah, Tashbīh bukan sekadar alat bahasa yang menghiiasi gaya penulisan atau percakapan, tetapi merupakan satu bentuk retorik yang membawa kekuatan makna dan daya pengaruh yang mendalam. Tashbīh sebagai gaya perbandingan antara dua unsur yang berbeza memainkan peranan penting dalam menjelaskan sesuatu maksud, mengukuhkan hujah, mengindahkan bahasa, serta membentuk keindahan retorik dalam al-Qur'an dan sastera Arab. Oleh sebab itu, melalui pengamatan terhadap jenis-jenis Tashbīh ini, seseorang bukan sahaja dapat menilai kehalusan bahasa yang digunakan, bahkan juga memahami strategi penyampaian makna yang lebih berkesan. Tambahan pula, pemahaman yang mendalam tentang pembahagian ini membantu dalam meneliti gaya bahasa al-Qur'an yang sarat dengan keindahan Tashbīh dalam menyampaikan mesej ketuhanan dan nilai-nilai kehidupan. Dengan demikian, subtopik ini menghuraikan setiap jenis Tashbīh yang disebut secara sistematik, disertai contoh daripada al-Qur'an serta ulasan makna dan tujuannya dalam konteks balaghah.

Tashbīh Mursal Mufassal (التشبيه المرسل المفصل)

Tashbīh pertama ini juga dikenali sebagai Tashbīh tamm (yang lengkap) kerana ia menghimpunkan keempat-empat rukun Tashbīh secara sempurna. Dalam bentuk ini, mushabbah, mushabbah bih, adat Tashbīh, dan wajah al-shabah dinyatakan dengan jelas, menjadikan perbandingan tersebut terang dan mudah difahami tanpa sebarang keraguan. Keistimewaan Tashbīh mursal mufassal ialah kejelasannya, kerana pendengar tidak dibiarkan meneka atau mengisi sendiri makna yang ingin dimaksudkan. Misalnya: *مُحَمَّدٌ كَالْقَمَرِ فِي الْجَمَالِ*, yang maksudnya: “Muhammad seperti bulan dalam kecantikan”. Dalam contoh ini, Muhammad ialah mushabbah, bulan ialah mushabbah bih, kata ‘seperti’ menjadi adat Tashbīh, manakala ‘kecantikan’ berfungsi sebagai wajah al-shabah. Jelasnya, perbandingan ini hanya membataskan persamaan pada aspek kecantikan, tanpa mendakwa bahawa Muhammad benar-

benar bulan. Lantas, Tashbīh jenis ini dianggap paling mudah difahami dan sesuai digunakan apabila penutur mahu memastikan gambaran sampai kepada pendengar dengan tepat.

Tashbīh Mursal Mujmal (التشبيه المرسل المجمل)

Seterusnya, Tashbīh ini pula dikenali sebagai mursal mujmal. Ia dinamakan mursal kerana masih terdapat adat Tashbīh di dalamnya, namun ia digelar mujmal kerana wajah al-shabah tidak dinyatakan secara eksplisit. Dengan kata lain, penutur hanya menunjukkan adanya persamaan antara mushabbah dan mushabbah bih, tetapi tidak memperincikan sifat apakah yang menjadi titik pertemuan antara kedua-duanya. Keindahan Tashbīh mursal mujmal terletak pada ruang tafsiran yang luas, kerana pendengar boleh memahami persamaan itu dari pelbagai sudut. Hal ini menimbulkan suasana keterbukaan makna yang memberi peluang kepada khalayak untuk merenung dan mengaitkan maksud ayat dengan pengalaman atau imaginasi mereka. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Rahman ayat 24: *وَلَهُ الْجَوَارِ الْمُنشَآتُ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ*, yang mafhumnya: “Dan bagi-Nyalah kapal-kapal yang tinggi menjulang di lautan seperti gunung-gunung”. Dalam ayat ini, kapal-kapal (المُنشَآتُ) disamakan dengan gunung-gunung (الْأَعْلَامُ) dengan menggunakan alat Tashbīh ك. Namun wajah al-shabah tidak dinyatakan. Walaupun wajah al-shabah tidak dinyatakan, para pembaca dapat merasakan bahawa persamaan itu berkait dengan kebesaran, ketinggian, dan kekukuhan. Dengan tidak menyebut wajah al-shabah, ayat ini membiarkan ruang luas untuk khalayak menyingkap maksudnya, sekali gus menjadikannya lebih puitis dan penuh keindahan retorik.

Tashbīh Mu’akkad Mufassal (التشبيه المؤكد المفصل)

Dalam bentuk ini, alat Tashbīh digugurkan tetapi wajah al-shabah tetap disebut. Disebabkan ketiadaan alat, hubungan antara mushabbah dan mushabbah bih kelihatan lebih kuat, seolah-olah mushabbah benar-benar menjadi mushabbah bih pada aspek wajah al-shabah. Misalnya: *أَنْتَ نَجْمٌ فِي رَفْعَةٍ وَضِيَاءٍ*, yang mafhumnya: “Engkau bintang pada ketinggian dan cahaya”. Dalam ungkapan ini, alat Tashbīh seperti ‘seperti’ atau ‘umpama’ dibuang, tetapi wajah al-shabah iaitu ketinggian dan cahaya tetap dikekalkan. Maka, perbandingan menjadi lebih kukuh dan langsung, kerana ia tidak sekadar menyatakan bahawa seseorang itu seperti bintang, bahkan menegaskan bahawa dia memang bintang dalam aspek tersebut. Dari sudut retorik, bentuk ini menghasilkan kesan mendalam yang lebih meneguhkan gambaran pada pendengar.

Tashbīh Mu’akkad Mujmal (التشبيه المؤكد المجمل)

Jenis keempat ini dianggap sebagai bentuk Tashbīh yang paling ringkas tetapi paling tinggi dari segi kekuatan makna. Ia dikenali sebagai baligh kerana hanya mengekalkan mushabbah dan mushabbah bih, manakala alat Tashbīh dan wajah al-shabah dibuang sepenuhnya. Oleh sebab itu, Tashbīh ini memberikan gambaran seakan-akan mushabbah adalah mushabbah bih tanpa sebarang perantaraan. Kesan retorik daripada bentuk ini sangat besar kerana ia menimbulkan gambaran hiperbolik (mubalaghah) yang padat tetapi kuat. Dalam konteks al Qur’an, bentuk Tashbīh baligh banyak digunakan untuk memberi kesan dramatik dan menggerakkan emosi pembaca. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Naba’, ayat 20: *وَسُيِّرَتِ الْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا*, yang mafhumnya: “Dan gunung-gunung itu dijalankan lalu ia menjadi fatamorgana”. Dalam ayat ini, gunung-gunung (الْجِبَالُ) disamakan dengan fatamorgana (السَّرَابُ) tanpa penggunaan kata penghubung atau penjelasan wajah al-shabah. Dalam ayat ini, gunung-gunung yang kelihatan kukuh diibaratkan sebagai fatamorgana, iaitu sesuatu yang nampak seperti wujud tetapi sebenarnya tidak nyata. Penghilangan adat Tashbīh dan wajah al-shabah menambahkan kekuatan gambaran, sehingga pendengar merasakan gunung benar-benar tidak mempunyai kewujudan hakiki.

Tashbīh Tamthil (التشبيه التمثيلي)

Selain empat kategori utama yang disebutkan di atas, terdapat juga satu lagi bentuk penting iaitu Tashbīh tamthil. Keistimewaan Tashbīh Tamthil terletak pada wajah al-shabahnya yang merupakan gambaran kompleks, diambil daripada pelbagai unsur dan keadaan, bukan sekadar satu sifat tunggal. Dengan kata lain, ia menyerupakan satu situasi dengan situasi yang lain, menjadikannya lebih kaya dengan makna. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hadid, ayat 20:

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَأُهُ ثُمَّ يَهِيْجُ قَتَرًا مُّصْفَرًّا ثُمَّ يَكُوْنُ حُطَامًا

Mafhumnya: Ketahuilah bahawa kehidupan dunia hanyalah permainan, hiburan, perhiasan, bermegah-megah antara kamu, dan berlumba-lumba dalam harta serta anak-anak; (keadaannya) seperti hujan yang tanamannya menakjubkan para petani, kemudian ia layu, lalu engkau melihatnya kuning, kemudian ia hancur menjadi debu.

Ayat ini menyerupakan kehidupan dunia dengan tanaman yang mula subur dan indah, tetapi akhirnya layu dan musnah. Persamaan itu bukan sekadar pada satu sifat, tetapi pada keseluruhan keadaan: ia bermula dengan menawan hati, kemudian cepat lenyap. Inilah keindahan Tashbīh Tamthil. Wajah al-shabahnya ialah keadaan dunia yang sementara, menipu pandangan, dan akhirnya sirna. Gambaran ini memperlihatkan betapa al-Qur'an mengangkat Tashbīh Tamthil untuk menyampaikan mesej yang bersifat falsafah dan peringatan.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, kajian ini menegaskan bahawa tashbīh merupakan satu daripada unsur balaghah yang memainkan peranan yang amat signifikan dalam mencipta keindahan retorik al-Qur'an. Analisis mendalam yang dijalankan menunjukkan bahawa penggunaan tashbīh bukan sekadar menyampaikan mesej ketuhanan, akidah, hukum-hakam dan panduan sosial melalui struktur ayat yang normatif, tetapi memanfaatkan kekuatan estetika bahasa bagi menanam kefahaman yang lebih halus, mendalam dan berkesan dalam jiwa pembaca. Keupayaan tashbīh untuk membentuk hubungan antara makna abstrak dengan gambaran konkrit terbukti menjadi medium retorik yang ampuh dalam memperkukuh mesej, memahami konsep yang kompleks, serta menggerakkan emosi dan penghayatan rohani.

Kajian ini juga mendapati bahawa elemen tashbīh dalam al-Qur'an mencakupi pelbagai bentuk seperti tashbīh tamthil, tashbīh baligh, mursal, mu'akkad, mufassal, dan mujmal, yang masing-masing membawa fungsi tertentu dalam proses komunikasi makna. Variasi bentuk ini menunjukkan keluasan gaya bahasa al-Qur'an yang menyesuaikan struktur retorik dengan tujuan ayat, sama ada untuk memberi peringatan, menjelaskan konsep akidah, memantapkan pengajaran moral atau melukiskan fenomena alam dan manusia. Dengan itu, tashbīh dapat dilihat bukan hanya sebagai unsur estetika, tetapi sebagai strategi linguistik dan maknawi yang menghubungkan teks wahyu dengan realiti kehidupan pembaca. Dari segi metodologi, pendekatan analisis kandungan secara kualitatif membuktikan keberkesanannya dalam meneliti pola penggunaan tashbīh kerana ia memungkinkan penelitian terhadap dimensi makna tersurat dan tersirat secara lebih menyeluruh. Hasil analisis menunjukkan tashbīh memberikan ruang kepada pembaca untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an dengan lebih mendalam melalui proses tafakkur terhadap hubungan antara unsur yang dibandingkan. Dengan mencipta jalinan antara idea abstrak dan gambaran konkrit, tashbīh membentuk satu landskap retorik yang

memperkayakan makna serta memperhalus keindahan bahasa al-Qur'an. Kesimpulannya, penulisan ini menegaskan estetika tashbīh adalah sebahagian daripada rahsia keindahan linguistik al-Qur'an yang menjadikan teks tersebut bukan sahaja indah didengar, tetapi juga kuat dari segi fungsi penyampaian makna. Keindahan bahasa dalam bentuk perbandingan bukan sekadar menambah nilai sastera, tetapi turut memperkukuh daya didik, daya sentuh emosi, dan daya penghayatan spiritual. Justeru, memahami tashbīh secara mendalam membuka ruang yang luas bagi pembaca untuk menghargai keluasan balaghah al-Qur'an, seterusnya menghayati mesej ilahi dengan lebih jelas, mendalam dan berkesan.

Rujukan

- Abdurrahman, A. (2017). Mukjizat al-Qur'an dalam berbagai aspeknya. *Jurnal Pusaka: Media Kajian dan Pemikiran Islam*, 8, 68-85.
- ‘Atīq, ‘A. ‘A. (1974). *‘Ilm al-Bayān*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.
- Bagaskara, S. M. & Sausan, M. (2014). Elaborasi tasybih dalam al-Quran pada surah al-Baqarah. *Jurnal Studi Sosial Keagamaan Syekh Nurjati*, 4(2), 205-234.
- Izham, S. S. & Yusoff, Z. M. (2012). Penggunaan gaya bahasa metafora dalam al-Qur'an: Satu tinjauan awal. *Proceedings The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, hlm. 143-153.
- Khalis, M., Hajrah, Syukur, S., Alia, N. & Haerul. (2023). Tasybih dalam ilmu al-balaghah. *al-Muallaqat: Journal of Arabic Studies*, 2(2), 15-25.
- Khoirunniswatin. (2022). Uslub tasybih dalam surat Ibrahim (kajian ilmu balaghah). Sripsi S1. Fakultas Ushuluddin Adab dan Humaniora, Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- Madina, M. Z. (1973). *Arabic-English Dictionary of the Modern Literary Language*. New York: Pocket Books.
- al-Miftah: Kamus moden Arab-Melayu-Inggeris. (2007). Kuala Lumpur: Al-Azhar Media Enterprise.
- al-Mu‘jam al-Wasīṭ. (1989). Jil. 2. Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah.
- Ningsih, F., Hasibuan, A. N. & Nasution, I. K. (2024). Analisis kajian ilmu bayan tasybih adhdhimni dalam QS. al-A‘raf ayat 40. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 8(2), 26805-26809.
- Radzi, S. F. & Baharudin, H. (2019). Analisis kontrasif tasybih dan isti‘arah dengan simile dan metafora. *Jurnal Ilmi*, 9, 44-55.
- Salleh, A. W., Yusof, C. M. Z., Razak, A. M. A., Ismail, Z. & Abdullah, W. I. W. (2021). *al-Balaghah al-Kafiah: Ilmu Balaghah Lengkap*. Ed. Baru. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Salsabila, H. (2024). Analisis tasybih dalam QS. ar-Rahman: Pendekatan tafsir melalui kajian balaghah. *al-Mustafid: Journal of Quran and Hadith Studies*, 3(2), 19-30.
- Shukri, H. S. (2014). Penafsiran Ali Ash-Shabuni terhadap ayat-ayat tasybih dalam surat al-Baqarah (kajian dari ilmu balaghah). Skripsi S1. Fakultas Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Siregar, A., Zega, C. & Al-Rasyid, H. 2024. Balaghah al-Quran: Tasybih at-tamtsil dalam al-Quran surah al-Kahfi ayat 45. *Gudang Jurnal Multidisiplin Ilmu*, 2(7), 55-59.
- Swarooprani, K. (2022). An study of research methodology. *International Journal of Scientific Research in Science, Engineering and Technology*, 9(3), 537-543.
- Yusoff, A. M. (2020.) Kemukjizatan al-Quran dari sudut bahasa. *Jurnal KIAS*, 11(1), 1-28.